



Sepuluh Prinsip Sains Masyarakat

Sains masyarakat ialah konsep yang fleksibel dan boleh disesuaikan serta diaplikasikan dalam pelbagai situasi dan disiplin. Kenyataan di bawah telah dibangunkan oleh kumpulan kerja 'Perkongsian amalan terbaik dan pembinaan kapasiti' European Citizen Science Association, yang diketuai oleh Natural History Museum London dengan input daripada ramai ahli persatuan, untuk menetapkan beberapa prinsip utama, yakni sebagai sebuah komuniti yang kami percaya mendasari amalan terbaik dalam sains masyarakat.

- 1. Projek sains masyarakat secara aktif melibatkan masyarakat dalam usaha saintifik yang menjana pengetahuan atau pemahaman baharu. Masyarakat boleh berperanan sebagai penyumbang, kolaborator, atau ketua projek dan memainkan peranan yang bermakna dalam projek tersebut.**
- 2. Projek sains masyarakat menghasilkan hasil sains yang tulen.** Sebagai contohnya, menjawab soalan penyelidikan atau memberikan maklumat kepada tindakan pemuliharaan, keputusan pengurusan, atau dasar alam sekitar.
- 3. Kedua-dua saintis profesional dan saintis masyarakat mendapat manfaat daripada penyertaan mereka.** Manfaatnya mungkin termasuk penerbitan hasil penyelidikan, peluang pembelajaran, keseronokan peribadi, manfaat sosial, kepuasan melalui sumbangan kepada bukti saintifik, contoh: untuk menangani isu tempatan, nasional dan antarabangsa, dan melalui itu, berpotensi untuk mempengaruhi dasar.
- 4. Saintis masyarakat boleh, jika mereka mahu, mengambil bahagian dalam pelbagai peringkat proses saintifik.** Ini mungkin termasuk membangunkan soalan penyelidikan, mereka bentuk kaedah, mengumpul dan menganalisis data, serta menyampaikan hasilnya.
- 5. Saintis masyarakat menerima maklum balas daripada projek tersebut.** Sebagai contohnya, cara data mereka digunakan dan hasil penyelidikan, dasar, atau impak kepada masyarakat dilihat.
- 6. Sains masyarakat dianggap sebagai pendekatan penyelidikan seperti pendekatan lain, dengan batasan dan berat sebelah yang perlu dipertimbangkan serta dikawal.** Walau bagaimanapun, tidak seperti pendekatan penyelidikan tradisional, sains masyarakat menyediakan peluang untuk penglibatan awam yang lebih besar dan pendemokrasian sains.
- 7. Data dan metadata projek sains masyarakat tersedia secara terbuka kepada umum dan jika boleh, hasilnya diterbitkan dalam format akses terbuka.** Perkongsian data boleh berlaku semasa atau selepas projek dijalankan, melainkan terdapat kebimbangan keselamatan atau privasi yang menghalang perkara ini.
- 8. Saintis masyarakat diiktiraf dalam hasil projek dan penerbitan.**

9. Program sains masyarakat dinilai berdasarkan output saintifik, kualiti data, pengalaman peserta serta kesan sosial atau dasar yang lebih luas.
10. Pemimpin projek sains masyarakat mengambil kira isu undang-undang dan etika yang berkaitan dengan hak cipta, harta intelek, perjanjian perkongsian data, kerahsiaan, atribut, dan kesan alam sekitar daripada sebarang aktiviti.

September 2015, London

Diterjemahkan oleh:

Nurfarawahidah, B.

Al-Bukhari Library, Universiti Teknologi MARA Pahang, Jengka Campus, Pahang, Malaysia

Cik Ramlah Che Jaafar

Hamzah Sendut Library, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia